

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [ BETONG ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
menyatakan :-**

- (a) kaedah pemantauan yang dibuat terhadap peniaga atas talian di medium media sosial yang gagal mempamerkan harga barangan serta perkhidmatan dan statistik terkini peniaga atas talian yang telah diambil tindakan akibat kesalahan tersebut mengikut pecahan medium media sosial; dan
- (b) adakah Kementerian melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap peniaga atas talian yang menjual barangan cetak rompak melalui platform jualan atas talian dan juga di media sosial.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Bagi memastikan pematuhan ke atas pengendali pasar dalam talian ke atas peruntukan perundangan yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP, langkah berikut telah diambil;-

- (a) Kementerian menjalankan pemantauan ke atas pengendali pasar dalam talian supaya mematuhi peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012. Pengendali pasar dalam talian diwajibkan untuk memaparkan di laman web mereka maklumat-maklumat seperti berikut:
- i. Nama individu/perniagaan/syarikat;
  - ii. Nombor pendaftaran perniagaan/syarikat;
  - iii. Alamat Emel dan no.telefon atau alamat peniaga melalui tapak web atau pasar dalam talian;
  - iv. Perihal tentang ciri utama barang dan perkhidmatan itu;
  - v. Harga penuh barang atau perkhidmatan, termasuklah kos pengangkutan, cukai dan apa-apa kos lain;
  - vi. Kaedah pembayaran;
  - vii. Terma-terma dan syarat syarat; dan
  - viii. Anggaran masa penghantaran barang atau perkhidmatan kepada pembeli.
- (b) Menjalankan pemeriksaan di premis pengendali pasar dalam talian seperti mempamerkan harga barangan atau perkhidmatan, penyimpanan dan penyenggaraan rekod nama, nombor telefon dan alamat peniaga *online* yang berniaga di platform mereka untuk tempoh dua (2) tahun;
- (c) Menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menghalang akses laman web (*Site Blocking*) atau penurunan kandungan (*contents removal*) di bawah seksyen 263(2) Akta Komunikasi & Multimedia 1998 (AKM 1998);

- (d) Berkerjasama dengan Pembekal Internet (ISP) dan Syarikat Telekomunikasi (Telcos) bagi mendapatkan maklumat pemilik laman sesawang atau pemilik talian komunikasi yang terlibat dengan penipuan pasar dalam talian; dan
- (e) Berkerjasama dengan pengendali tapak pasar dalam talian untuk memberikan pemakluman atau notis amaran di dalam tapak pasar mereka untuk memperingatkan pengguna supaya berhati-hati semasa menjalankan pembelian pasar dalam talian.

Sekiranya mana-mana peniaga atas talian gagal mematuhi mana-mana peraturan semasa, pengguna boleh menyalurkan aduan di saluran yang telah disediakan.

Untuk makluman ahli yang berhormat jumlah kes atas talian yang diambil tindakan pada tahun 2020 ialah 6 kes (peniaga atas talian melalui media sosial 4 kes, pengendali pasar atas talian 1 kes, dan lain-lain peniaga atas talian 1 kes) dan pada tahun 2021 ialah 6 kes (media sosial 1 kes, pengendali pasar atas talian 1 kes, dan lain-lain peniaga atas talian 1 kes).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN AHMAD (KANGAR)**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendatang asing tanpa izin yang telah ditahan sejak Mac 2020 sehingga kini. Apakah jenis tindakan yang dikenakan kepada mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Mohon izin supaya soalan daripada YB Kangar ini dijawab bersekali dengan soalan daripada YB Seputeh memandangkan kedua-dua soalan yang diutarakan menyentuh isu yang sama iaitu mengenai penangkapan dan pengusiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sejak pandemik COVID-19.

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.

Bermula 18 Mac 2020 hingga 24 Ogos 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 5,110 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan 14,847 orang PATI daripada pelbagai negara dan 246 majikan atas pelbagai kesalahan imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Manakala, Bagi tempoh yang sama, jumlah penghantaran pulang tahanan yang berada di Depot Imigresen sehingga 26 Ogos 2021 adalah seramai 15,634 orang.

Proses penghantaran pulang tahanan ke negara asal yang dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia merangkumi proses pengesahan warganegara dan penyediaan dokumen perjalanan serta dengan pihak Perwakilan Asing.